

14/06/2001

Penerbitan majalah Varsiti palsu disiasat

KUALA LUMPUR, Rabu - Penerbitan dan pengedaran Majalah Varsiti 2001 edisi palsu yang mengandungi artikel dan gambar mencemuh serta menghina pemimpin negara, disiasat mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Bandaraya, Superintendan Zainuddin Yaakob berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11 dan Seksyen 41 (b) akta berkenaan.

Mengikut seksyen 11 akta itu, mana-mana pihak yang didapati melanggar peruntukan itu boleh dipenjarakan tidak lebih setahun atau denda hingga RM5,000 atau kedua-duanya.

Katanya, polis percaya penerbitan majalah itu dilakukan pihak yang mempunyai kemudahan untuk membuat percetakan, tetapi ketika ini siasatan masih dijalankan.

"Kami sedang menyiasat untuk mengenal pasti pihak yang mencetak dan mengedar majalah berkenaan," katanya.

Majalah Varsiti terbitan tahunan Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM), biasanya diedarkan pada Jun atau Julai tetapi Varsiti 2001 dijangka diedarkan Oktober depan.

Baru-baru ini, beberapa pihak termasuk Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, menerima majalah palsu itu yang dikirim melalui pos.

Kira-kira 20 naskah majalah itu diedarkan, antara lain memuatkan rencana anti kerajaan, selain gambar demonstrasi serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpakaian 'Firaun' yang menggunakan teknik 'super-imposed' komputer.

Isi kandungannya yang mencemuh serta menghina pemimpin negara, menimbulkan tanda tanya banyak pihak. Hampir keseluruhan majalah itu didapati memuatkan laporan politik kebencian termasuk yang dipetik daripada laman web reformasi.

Berikutan penerbitan majalah edisi palsu itu, Presiden MPMUM, Mohd Fuad Mohd Ikhwan membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Brickfields.

(END)